

'Suqiu tidak ikhlas atasi isu hak Melayu'

BH 26 AUG 2000

KUALA LUMPUR, Jumaat—Pemuda Umno menyifatkan Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Persatuan-Persatuan Cina Malaysia (Suqiu) berdolak-dalik dalam isu hak keistimewaan orang Melayu.

Ketua Pemudanya, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, berkata dakwaan Suqiu kononnya reaksi Pemuda Umno terhadap isu itu mengapi-apikan sentimen perkauman, menunjukkan jawatankuasa berkenaan tidak ikhlas dalam menyelesaikan perkara itu.

Beliau berkata, sebenarnya Suqiu yang cuba mengapi-apikan sentimen itu apabila membangkitkan isu berkenaan dalam tuntutan 17 perkaranya.

"Sekiranya dibaca sekali lalu 17 tuntutan itu, memang tidak menyentuh Hak Keistimewaan Orang Melayu seperti termaktub dalam perlembagaan.

"Bagaimanapun, setelah Pemuda memperinci tuntutan itu didapati perkara satu, lima dan tujuh, menyentuh penghapusan kuota yang ditetankan dalam Dasar Ekonomi Baru dan dasar kerajaan," katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat khas Pemuda di sini, hari ini.

Serentak itu, beliau tidak menolak kemungkinan Pemuda akan mengadakan perhimpunan khas bagi menyatakan pendirian mempertahankan hak keistimewaan orang Melayu jika ada pihak cuba mempertikaikannya.

Pengerusi Suqiu, Quek Suan Hiang dalam kenyataannya semalam berkata, Pemuda Umno tidak harus mengapi-apikan sentimen perkauman sehingga menjejaskan keamanan negara dan keharmonian kaum.

Dalam kenyataan tiga perenggan itu, Suqiu turut mengalu-alukan arahan Perdana Menteri. Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Kabinet supaya kontroversi hak keistimewaan Melayu dihentikan serta merta.

Difahamkan Pemuda akan menggunakan perhimpunan Multaqa- Mensyukuri Nikmat Kemerdekaan di Dataran Putra, Putrajaya pada 30 Ogos ini untuk menyatakan pendirian berhubung perkara itu.

Hishammuddin berkata, Pemuda mengingatkan Suqiu tidak lagi membangkitkan perkara itu pada masa depan kerana isu agama dan hak keistimewaan Melayu adalah terlalu sensitif.

Beliau berkata, mesyuarat khas itu turut mengambil ketetapan bahawa Pemuda akan sentiasa mempertahankan hak keistimewaan Melayu seperti termaktub dalam Perlembagaan dan dasar kerajaan.

Sehubungan itu, katanya, Pemuda tidak mahu sesiapa pun mempersoal dan memperlekehkan isu berkenaan.